



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

4 Nov 2020 (Rabu)

Berita Harian

2 beranak didakwa cemar Sungai Gong	1
869 kilang dekat sumber sungai utama di Selangor	2

Utusan Malaysia

Bajet tak mencapai matlamat	3
'Mana hilangnya rizab RM1 bilion?'	4
2 didakwa sebabkan pencemaran Sg. Gong	5
Jalan berlubang mengundang kemalangan	6
Gadaian emas pun kena zakat?	7
Tiga cadangan tangani flat retak	8

Harian Metro

Jas keluarkan 106 kompaun berjumlah RM212,000	9
---	---

Kosmo

500 anggota polis pantau SOP PKPB	10
Mayat OKU dalam perangkap sampah	11
Dua beranak didakwa cemar sungai	12
Sasar jual 20,000 ayam segar	13

Sinar Harian

Dua beranak mengaku tidak bersalah	14
Belum terdesak guna air tasik	15
SBC bakal rancak pertumbuhan ekonomi Selangor	16
Sidang DUN Selangor kecoh lagi isu etika pakaian	17
Tempoh pemutihan dilanjut sehingga akhir tahun	18

Astro Awani

Strategi Perkasa Ekonomi, Tangani Impak Pandemik	19
--	----

Nasional FM (87.7)

Selangor Menyediakan Draf Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	20
---	----

Selangor TV

5,589 Kilang Haram Beroperasi Di Selangor	21
ADN Cadang Kampung Sungai Yu Dijadikan Pusat Pelancongan	22
ADN Cadang Mansuh Atau Beri Diskaun Pinjaman Hijrah	23
ADN Kota Anggerik Cadang Baucar Jom Shopping Naik RM300	24
Belum Ada Keperluan Untuk Guna Air Tasik Putrajaya	25
Beri Tumpuan Industri Aeroangkasa Pasca Covid-19	26
Capaian Jalur Lebar Perlu Diatasi	27
JAS Keluarkan 106 Kompaun Cemar Sungai	28
Lebih 5,500 Kilang Tanpa Kebenaran Dikesan	29
Menteri Besar Harap Belanjawan 2021 Luluskan Pembinaan Hospital Baharu	30
Rangka Pelan Jangka Panjang Perkasa Industri Kreatif	31
RM5.75 Juta Baik Struktur Di Pangsapuri Teluk Gedong Indah	32
Sedia 50 Ekar Tanah Bina Hospital Di Meru	33
Selangor Business Capital, Bandar Baharu Bakal Diwujudkan	34
Selangor Selesaikan 104 Projek Terbangkalai Sejak 2008	35



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



TV3

91 Dikenakan Tindakan Mahkamah Cemari Sungai Di Selangor 36

The Star

DATE EXTENSION 37

MPKL PARKS 38

No progress seen in slope stabilisation 39

Prestariang secures Selangor training contract 40

Up in arms over land conversions 41

2021 state budget must cater to current times, says S'gor MCA 42

Annual allocation for non-Islamic places of worship raised by RM1mil 43

Deadline for factories to get legalised now Dec 31 44

'Measures for stable water supply under study' 45

Father and son plead not guilty to polluting Sungai Gong 46

New Straits Times

61 premises charged over water pollution from January to Sept 30 47

MAN, SON CHARGED IN POLLUTION CASE 48

The Sun

PRESTARIANG BAGS SELANGOR KERJAYA PROGRAM CONTRACT 49

BFM89.9

Selangor MB : More Than 52 000 Reports Recorded 50

The Edge CEO Morning Brief

Prestariang bags training job worth RM50m from MBI Selangor 51

The Malaysian Reserve

Clinical waste rises 20% amid Covid-19 52

Nearly 1000 unauthorised factories near rivers in Selangor 53

No urgent need to use putrajaya lake during water cuts 54

Prestariang clinched RM50m deal from MBI Selangor 55

China Press

Severely punish environmental polluter, MPKJ is not merciful and issued 211 fine tickets for pollution of Hulu Langat river 56

From January 2019 to September this year, Waze receives more than 50,000 complaints about potholes 57

Application for Semenyih river water treatment station to use the water from Putrajaya lake 58

Schizophrenic woman missing, suspected female body by the river waiting to be examined 59

2 Taman iin Kajang have fallen trees, MPKj quickly cleaned up after receiving the report 60

MPKj allocates RM400,000 development fund to upgrade the junction in Balakong industrial areas 61

Sin Chew Daily

Amiruddin: Selangor state government will use the big data of road complaints collected by Waze to pave the road. 62

Expected the planning application will be submitted to build the "Selangor Business Capital" next year. 63



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Izham: The surrounding lake water is sufficient for emergency use, "Putrajaya lake water is not needed yet".	64
MB: SELangkah can track other sources of infectious diseases, and will add functions to meet demand in the future.	65
Ng Sze Han: A total of 15,000 legal factories and 869 illegal factories are close to place of water sources.	66
Selangor state government passes the Water Supply Amendment Act and will deal more severely with those who pollute river.	67
The art and literature group had a limited income during the MCO period. State government plan to help them promote online performances.	68
Ng Suee Lim: 5 legislators continued to wear "Baju Melayu" to the meeting, Shamsuddin quarreled with WLL alone.	69
Siti Mariah: Parents must register for special children as eligible for benefits.	70
Prestariang Berhad received a letter of acceptance from Selangor MB to implement the "Selangor Kerjaya Program".	71
Nanyang Siang Pau	
Crocodile spotted at South Port Klang after water quality improved	72
Prestariang Berhad received RM50m contract from Selangor government	73
Makkal Osai	
Factories along Selangor rivers	74
Malaysia Nanban	
106 compounds against river pollution offenders in Selangor	75
2 company directors charged over Sg Gong pollution	76
Tamil Malar	
Selangor govt allocate RM3m for special-needs children	77



KERATAN AKHBAR		
4 November 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	2 beranak didakwa cemar Sungai Gong
Muka Surat	:	20

2 beranak didakwa cemar Sungai Gong

Selayang: Dua beranak yang juga pengarah syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan dihadapkan di Mahkamah Sesyen Selayang, semalam, atas dakwaan melakukan khianat dengan melepas dan melupuskan bahan buangan mengandungi bahan berbahaya ke Sungai Gong, Rawang.

Kedua-dua tertuduh, Chai Kin Sang, 62, dan Chai Wern Teik, 31, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas dua tuduhan dibacakan terhadap mereka di hadapan Hakim Maziah Joary Mohd Tajuddin.

Mereka didakwa bersama-sama melakukan khianat dengan menyebabkan bahan buangan mengandungi bahan berbahaya daripada premis FG Autoparts Sdn Bhd dilupuskan ke dalam alur air yang mengalir ke Sungai Gong dengan mengetahui ia akan menyebabkan susut bekalan air bagi minuman manusia.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di premis showroom syarikat itu di Lot 16273 Jalan Sungai Bakau, Batu Arang, Rawang, dekat sini, di antara 17 dan 19 Oktober lalu mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara maksimum 30 tahun dan denda atau kedua-duanya sekali.

Bagi tuduhan kedua pula, mereka dengan niat bersama didakwa melepaskan bahan buangan mengandungi bahan berbahaya



Kin Seng (kiri) dan Wern Teik dibawa ke Mahkamah Sesyen Selayang, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

dari premis sama ke dalam alur air yang akan mengalir ke sungai sama tanpa lesen, di tempat dan masa sama.

Bagi kesalahan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman denda RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Iskandar Ahmad memberitahu mahkamah bahawa pendakwaan mengambil pendirian untuk tidak menawarkan sebarang jaminan kepada kedua-dua tertuduh kerana kesalahan itu tidak boleh dijamin.

Beliau berkata, banyak kesalahan sama dilakukan sejak September lalu (insiden pertama) menyebabkan bekalan air terputus di Lembah Klang dan menjejaskan enam juta penduduk.

“Syarikat ini tidak pernah mengambil iktibar terhadap apa yang sudah berlaku. Sampai bila penduduk hendak berdepan norma baharu tiada bekalan air; cukuplah dengan norma baharu COVID-19 sahaja.

“Dua sahaja yang dituduh hari ini (semalam), selebihnya akan menjadi saksi pendakwaan. Bayangkan kesan jika mereka (tertuduh) dilepaskan kerana mereka mengetahui butiran mereka dan ada kebarangkalian untuk mengganggu saksi.

“Bagaimanapun jika mahka-

mah tidak berpihak kepada saya (dalam isu jaminan), saya menawarkan jaminan RM2 juta dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh,” katanya.

Peguam bela Muhammad Nor Izzat Nordin bagaimanapun memohon supaya kedua-dua anak guamnya dibebaskan dengan jaminan berjumlah RM200,000 dengan seorang penjamin setiap seorang.

Beliau berkata, kedua-dua tertuduh memberikan kerjasama yang baik ketika 13 hari direman dan tiada kebarangkalian untuk melarikan diri.

Katanya, Kin Sang pula baru menjalani pembedahan di bahagian mata bulan lalu dan berdasarkan usia yang sudah tua, tertuduh mempunyai risiko tinggi untuk dijangkiti wabak COVID-19.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak, Maziah membuat keputusan membenarkan kedua-dua tertuduh masing-masing dijamin dengan wang jaminan RM400,000 dengan seorang penjamin warga tempatan serta beberapa syarat tambahan.

Antaranya, mereka perlu melaporkan diri di balai polis berdekatan sebulan sekali, menyerahkan pasport kepada mahkamah dan tidak mengganggu saksi.

Mahkamah kemudian menetapkan sebutan bagi serahan dokumen pada 16 Disember ini. Kedua-dua tertuduh membayar jaminan.



KERATAN AKHBAR		
4 November 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	869 kilang dekat sumber sungai utama di Selangor
Muka Surat	:	26

869 kilang dekat sumber sungai utama di Selangor

5,589 kilang operasi tanpa kebenaran di sembilan daerah

Oleh Norzamira Che Noh
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Sejumlah 5,589 kilang beroperasi tanpa kebenaran di sembilan daerah di negeri ini dan daripada jumlah itu, 869 kilang berada berdekatan sumber sungai utama.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Penganku-

tan Awam dan Pembangunan Kampung Baru negeri, Ng Sze Han, berkata antara kawasan tertinggi membabitkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan 546 kilang dan Majlis Perbandaran Kajang (MPK), 155 kilang.

Bagi pihak berkuasa tempatan lain, katanya ia membabitkan 75 kilang tanpa kebenaran di kawasan Majlis Perbandaran Selayang (MPS), 27 di Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), 23 di Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), 20 di Majlis Perbandaran Klang (MPK), 14 di Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), tujuh di Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dan dua lagi di Majlis Perban-

daran Sepang (MPS).

"Sebahagian besar kilang berkenaan terletak di sebelah hilir atau selepas muka sauk loji," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan lisan Adhif Syan Abdullah (BERSATU-Dengkil) mengenai tindakan proaktif kerajaan negeri menghalang kewujudan kilang haram.

Dalam pada itu, Sze Han memaklumkan sering kali terdapat kekeliruan mengenai status kilang ini yang lebih dikenali sebagai kilang haram.

"Saya ingin jelaskan kilang tanpa kebenaran bukan kilang yang men-

jalankan aktiviti haram, sebaliknya ia kilang mempunyai lesen perniagaan sementara, namun belum memenuhi syarat teknikal lain seperti status syarat tanah, pengzonan atau kebenaran merancang.

"Berbeza dengan kilang haram iaitu kilang yang tidak mempunyai lesen perniagaan sementara serta menjalankan perusahaan yang boleh menimbulkan kacau ganggu, pencemaran dan kemudaratan kepada manusia dan alam sekitar.

"Kerajaan negeri berpandangan kilang tanpa kebenaran ini wajar diberi peluang," katanya.

Sebelum ini, kerajaan negeri menerusi Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Ki-



Ng Sze Han

lang Tanpa Kebenaran memberi tempoh sehingga 31 Disember untuk kilang tanpa kebenaran di negeri ini melakukan pemutihan.

Sze Han berkata, program pemutihan berkenaan sepatutnya tamat 30 September lalu, bagaimanapun dilanjutkan susulan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19.

"Program pemutihan ini adalah yang terakhir dan selepas tamat tempoh, tindakan penguatkuasaan akan dijalankan secara bersepadu mengikut peruntukan perundangan," katanya.



KERATAN AKHBAR
4 November 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bajet tak mencapai matlamat
Muka Surat	:	11



MUHAMMAD Hilman Idham (kanan) ketika hadir ke sidang Dewan Undangan Negeri Selangor di Shah Alam, semalam.

Bajet tak mencapai matlamat

SHAH ALAM: Tidak mencapai matlamat membantu rakyat.

Itu tegas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gombak Setia, Muhammad Hilman Idham yang menolak Bajet 2021 Selangor dalam perbahasan di sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), semalam.

Bajet tersebut dibentangkan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari yang juga ADUN Sungai Tua, Jumaat lalu.

Muhammad Hilman menyifatkan perkara itu ketika rakyat dibelenggu krisis ekonomi.

Menurut beliau, bajet tahunan perlu mencerakin kebijakan dan inisiatif yang lebih berfokus, proaktif dan responsif terhadap persekitaran ekonomi semasa sebagai asas kepada penyelesaian masalah rakyat.

“Bagaimanapun keyakinan rakyat terhadap kepedulian kerajaan negeri untuk menyelesaikan krisis itu meleset apabila melihat strategi bajet yang sama sekali tidak mencapai matlamat dan isu utama yang menjadi kekhawatiran kita.

“Saya tidak faham mengapa setelah kerajaan negeri menyatakan kekusaran terhadap krisis ekonomi yang berlaku tetapi akhirnya meletakkan strategi pemulihan ekonomi sebagai strategi terakhir.

“Ini mencerminkan seolah-olah tiada simbiosis di antara permasalahan dan strategi penyelesaian yang dirangka kerajaan negeri,” katanya.

Tambah Muhammad Hilman, indikator kepada pencapaian ekonomi negeri bukan diukur

berdasarkan pengurangan defisit atau jumlah rizab negeri yang tinggi sebaliknya daripada jumlah peluang pekerjaan yang dicipta, peningkatan nilai kuasa beli rakyat, pemerkasaan rantaian nilai dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

“Kita harus keluar daripada paranoia perbelanjaan defisit dan peningkatan rizab negeri, namun menjamin prinsip pemerintah yang baik dan tiada kebocoran serta pembaziran dalam perbelanjaan.

“Malah sebuah kerajaan negeri yang tidak mempunyai kuasa dalam mengurus dasar kewangan dan tanggungjawab dalam pengurusan fiskal. Kerajaan negeri seharusnya memberi fokus kepada usaha merancakkan ekonomi,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
4 November 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	'Mana hilangnya rizab RM1 bilion?'
Muka Surat	:	11

'Mana hilangnya rizab RM1 bilion?'

Oleh **NOR AZIHAN MD. GHAZALI**
 utusannews@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan negeri diminta memberi penjelasan berkenaan kehilangan rizab negeri lebih RM1 billion selepas Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim melepaskan jawatan sebagai Menteri Besar pada 2014.

Ketika membahas Bajet 2021, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Anggerik, Mohd. Najwan Halimi berkata, kehilangan rizab itu direkodkan sepanjang pemerintahan sebelum Datuk Seri Amiruddin Shari mengambil alih pentadbiran.

Menurutnya, ketika peme-

“Sudah sampai masanya kerajaan negeri memberi penjelasan bagaimana sejumlah lebih RM1 bilion itu telah berkurangan”

MOHD. NAJWAN HALIMI



rintahan Abdul Khalid, Selangor sangat berbangga menjadi

sebuah negeri yang bukan sahaja terkaya, tetapi mempu-

nyai rizab yang terbesar.

“Kita tentu masih ingat bahawa pentadbiran Abdul Khalid telah meninggalkan sejumlah lebih RM3.3 bilion rizab negeri, namun kini rizab negeri dianggarkan sekitar RM2.4 bilion sahaja.

“Sudah sampai masanya kerajaan negeri memberi penjelasan bagaimana sejumlah lebih RM1 bilion itu telah berkurangan,” katanya dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohd. Najwan berkata, pencerahan kerajaan negeri akan menjernihkan keaburan yang selama ini wujud dan menjadi perbualan dalam kalangan rakyat Selangor.

ngor.

Katanya, ketika Amirudin mengambil alih jawatan Menteri Besar, rizab negeri juga difahamkan berada di bawah RM2 bilion iaitu sekitar RM1.8 bilion.

“Kerajaan negeri perlu berpegang teguh di atas prinsip integriti yang baik demi menjamin kepercayaan rakyat dan mempertahankan keyakinan pelabur serta komuniti perniagaan.

“Semua usaha penyusunan semula ekonomi, kebijakan dan inisiatif di Selangor tidak akan berjaya sekiranya kerajaan negeri tidak dapat mengesan masalah sebenar yang timbul,” katanya.



KERATAN AKHBAR		
4 November 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	2 didakwa sebabkan pencemaran Sg. Gong
Muka Surat	:	12



CHAI Kin Sang (kiri) bersama Chai Wern Teik diiring polis ke Mahkamah Sesyen Selangor, semalam. -UTUSAN/ FARIZ RUSADIO

2 didakwa sebabkan pencemaran Sg. Gong

KUALA LUMPUR: Dua pengarah syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan didakwa di Mahkamah Sesyen Selangor atas dua pertuduhan melakukan khianat dengan melepas dan melupuskan bahan berbahaya ke Sungai Gong, Rawang, pertengahan Oktober lalu.

Chai Kin Siang, 62, dan anaknya, Chai Wern Teik, 31, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan di hadapan Hakim Maziah Joary Mohd. Tajuddin.

Bagi pertuduhan pertama, dua beranak itu didakwa melakukan khianat dengan menyebarkan bahan buangan yang mengandungi bahan berbahaya daripada premis FG Autoparts Sdn. Bhd. dilupuskan ke dalam alur air yang akan mengalir ke dalam Sungai Gong dengan mengetahui bahawa ia akan menyebabkan susut bekalan air bagi minuman manusia.

Mereka dituduh melakukan perbuatan tersebut di premis berkenaan di Batu Arang, Rawang dekat sini diantara 17 dan 19 Oktober lalu di bilik pameran syarikat itu di Lot 16273 Jalan Sungai Bakau, Batu Arang Rawang dekat sini.

Bagi pertuduhan ini, pendakwa dikemukakan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksan yang

memperuntukkan hukuman penjara antara lima hingga 30 tahun atau denda atau kedua-dua sekali, jika sabit kesalahan.

Pada tarikh dan tempat yang sama, kedua-dua tertuduh itu dengan niat bersama melepaskan bahan buangan mengandungi bahan berbahaya dari bengkel serupa ke dalam alur air yang akan mengalir ke sungai sama tanpa lesen.

Pertuduhan kedua itu dikemukakan mengikut Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-dua sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Iskandar Ahmad tidak menawarkan sebarang jaminan atas alasan kesalahan tersebut tidak boleh dijamin.

"Syarikat ini tidak pernah mengambil iktibar terhadap apa yang sudah berlaku. Sampai bila penduduk hendak berdepan norma baharu tiada bekalan air, cukuplah dengan norma baharu Covid-19.

"Bagaimanapun, sekiranya mahkamah ingin membenarkan jaminan, saya mencadangkan ikat jamin sebanyak RM2 juta bagi setiap tertuduh kerana ini merupakan kes pencemaran kedua berlaku di Sungai Gong, Rawang yang mengakibatkan enam juta penduduk di sekitar Lembah Klang tidak ada air selama beberapa hari," ujarnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 4 November 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Jalan berlubang mengundang kemalangan
Muka Surat	:	19

ADUAN PBT

Jalan berlubang mengundang kemalangan

SAUDARA PENGARANG.

MASALAH jalan berlubang di sekitar Bandar Tun Hussien Onn, Cheras, Selangor nampaknya tiada perubahan.

Terlalu banyak jalan berlubang mungkin kerana kawasan tersebut sedang pesat membangun dengan pelbagai projek pembinaan kediaman dan lot perniagaan. Begitu juga kerja-kerja menaik taraf saluran air menyebabkan banyak kenderaan berat melalui kawasan tersebut.

Walaupun banyak kali aduan dibuat, namun hanya beberapa kali diturap oleh pihak berwajib.

Kali ini, jalan berlubang di Persiaran Suadamai menghala Taman Seri Minang yang agak besar dan dalam boleh mengakibatkan penunggang motosikal terjatuh sekiranya melalui laluan tersebut, sekali gus menambah bilangan kemalangan di kawasan perumahan di sini.


Aduan ini dibuat kerana laluan berkenaan merupakan alternatif bagi penduduk di kawasan tersebut dan sekitar untuk ke Kuala Lumpur sehingga menyebabkan kesesakan pada waktu puncak.

Malah pada waktu malam, laluan itu agak gelap menyebabkan pengguna tidak menyedari terdapatnya jalan berlubang sekali gus membahayakan nyawa mereka.

Justeru, wajar Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) menurap laluan tersebut dan jalan-jalan lain yang membahayakan pengguna laluan.

ZUL

Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, Selangor



JALAN berlubang di Persiaran Suadamai membahayakan pengguna terutama penunggang motosikal.



KERATAN AKHBAR		
4 November 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Gadaian emas pun kena zakat?
Muka Surat	:	23

Gadaian emas pun kena zakat?

Oleh **HAMIZUL ABDUL HAMID**
 gayautusan@mediamulla.com.my

DALAM isu zakat emas di *ar-rahnu*, ada dua keadaan perlu diperhatikan. Pertama, orang yang terdesak yakni tidak mempunyai kemampuan kewangan. Emasnya dicagarkan dan sepanjang tempoh emas itu di dalam simpanan *ar-rahnu*, dia tidak mampu menebusnya kembali kerana tidak mempunyai wang.

Di sini dia tidak mempunyai satu syarat wajib zakat, iaitu sempurna milik. Maka, tidak wajiblah dia berzakat atas emas yang disimpan di *ar-rahnu* itu.

Wang yang didapati hasil pinjaman itu juga, jika habis dibelanjakan untuk keperluan asasi yang terdesak itu tadi, maka tidaklah wajib dikeluarkan zakat ke atasnya.

Kedua, orang yang membuat gadaian di *ar-rahnu* dalam keadaan dia sebenarnya kaya dan tidak memerlukan wang atau bukan dalam keadaan kecemasan. Sebaliknya dia menggunakan *ar-rahnu* sebagai tempat untuk menyimpan emas perhiasannya dengan selamat atau sebagai tempat pelaburan dan sengaja membiarkannya tanpa ditebus.

Apabila genap setahun disimpan, maka semasa itu harga emas mungkin sudah naik dan dia pun mendapat untung atas emas yang digadaikannya.

Bagi keadaan kedua ini, sebenarnya orang itu mampu untuk menebus tetapi sengaja enggan menebus. Hakikatnya dia mempunyai syarat sempurna milik, maka wajiblah ke atasnya mengeluarkan zakat ke atas emas yang disimpan di *ar-rahnu* atas keseluruhannya.

Andai dia membiarkan hingga setahun dan selepas itu dicairkan, dan pihak penggadai memberikan untung kepadanya, maka dia juga wajib mengeluarkan zakat ke atas keuntungan berkenaan.

Bagi wang pinjaman yang dia perolehi dari pihak *ar-rahnu*, jika dia melaburkannya atau menyimpannya di mana-mana institusi, maka hendaklah dikeluarkan zakat ke atasnya sebanyak 2.5



KONSEP *ar-rahnu* menawarkan alternatif kemudahan pinjaman yang tidak melibatkan riba kepada umat Islam. - GAMBAR HIASAN



2013

FORMULA

Baki emas di *ar-Rahnu*
 x Harga emas semasa
 - Upah simpan
 di *ar-Rahnu* = Nilai
 emas yang dimiliki
 jika mencapai nisab
 x 2.5% = zakat

2017

FORMULA

Nilai baki emas di *ar-Rahnu*
 + emas perhiasan
 melebihi uruf + emas
 bukan perhiasan + wang
 simpanan + pelaburan
 = baki jika mencapai nisab
 x 2.5% = zakat.

peratus apabila mencapai haul. Melainkan jika dia menggunakannya sehingga habis maka tiadalah zakat lagi ke atasnya.

Apa yang penting, kita perlu melihat kepada dua keadaan iaitu adakah orang yang berhutang di *ar-rahnu*

itu adalah mereka yang dalam kesempatan kewangan, yakni terpaksa berhutang.

Dengan itu mereka pun dapat melunasi keperluan-keperluan yang berbangkit dengan segera juga; ataupun mereka yang bergadaian dengan maksud menjadikan *ar-rahnu*



Andai dia membiarkan hingga setahun dan selepas itu dicairkan dan pihak penggadai memberikan untung kepadanya, maka dia juga wajib mengeluarkan zakat ke atas keuntungan berkenaan."

sebagai satu tempat melabur demi mencari keuntungan berganda di masa hadapan? Sudah pastilah natijahnya adalah berbeza.

Walau bagaimanapun, menurut keputusan Jawatankuasa Fatwa Selangor tahun 2013, emas perhiasan yang digadaikan (walaupun atas alasan terdesak), masih wajib dizakatkan, yakni dikenakan zakat ke atas baki emas perhiasan yang masih menjadi milik sempurna penggadai.

Ini kerana, pihak *ar-rahnu* hanya akan memberikan hutang sekitar 70 peratus daripada nilai emas

perhiasan, maka baki 30 peratus itu masih milik sempurna penggadai dan wajib dizakatkan (setelah mengambil kira kos upah simpan).

Di samping itu, di Selangor mulai tahun 2017 telah difatwakan zakat atas gabungan harta nisab emas dengan syarat haul.

Maka, jika baki emas di *ar-rahnu* itu di bawah nisab, ia perlu digabungkan dengan harta lain miliknya (emas perhiasan yang melebihi uruf + emas bukan perhiasan + wang simpanan + pelaburan). Melainkan orang itu memang tiada lagi harta-harta lain dan baki emas di *ar-rahnu* juga adalah di bawah haul, maka tiadalah zakat atasnya.

Kesimpulannya, biar pun *fuqaha* khilaf mengenai kedudukan zakat emas di *ar-rahnu*, namun umumnya masih wajib zakat bagi emas yang digadai di *ar-rahnu*.

Apatah lagi jika ia digadai demi pelaburan semata-mata (mencari keuntungan) dan pengadaanya juga mempunyai kemampuan untuk menebusnya bila-bila masa. *Wallahu'alam*.

Ustaz Hamizul Abdul Hamid,
 Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah,
 Lembaga Zakat Selangor (MAIS).
 Sebarang kemusyiklan zakat sila emel
 ke hamizul@zakatselangor.com.my.



KERATAN AKHBAR 4 November 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tiga cadangan tangani flat retak
Muka Surat	:	29

Tiga cadangan tangani flat retak

SHAH ALAM: Kerajaan negeri mengemukakan tiga cadangan penempatan bagi menyelesaikan isu berkaitan keadaan Flat Taman Sri Berembang dekat Klang yang mengalami keretakan teruk sejak tujuh tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han berkata, Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui maklum balas teknikal membuat syor supaya menutup 16 unit rumah berhampiran kawasan tangga di tepi blok C.

Katanya, kerajaan negeri menerusi Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) mencadangkan dua lokasi bagi menempatkan sementara penduduk 16 unit yang terjejas teruk iaitu di projek perumahan rakyat (PPR) Hicom Seksyen 26, Shah Alam dan Pangsapuri

Smart Sewa di Jalan Keretapi Lama, Batu 4, Kapar.

“Selain itu, MPK mencadangkan kuarters di Pangsapuri Klang Villa yang terletak 2.7 Kilometer dari flat itu. Cadangan ketiga, penduduk mencari sendiri penempatan mengikut kemampuan masing-masing, tertakluk kepada perbincangan yang akan diadakan kelak.

“Bagi Flat Taman Telok Gedung Indah pula, tiada cadangan perpindahan dibuat JKR,” katanya ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmi-zam Zaman Huri berhubung isu Flat Seri Berembang dan Flat Taman Telok Gedung Indah dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini semalam.

Terdahulu, penduduk di Flat Sri Berembang menyatakan kebimbangan berhubung beberapa struktur bangunan retak dan dialami mereka sejak tujuh

tahun lalu.

Flat tersebut mengalami keretakan teruk pada struktur bangunan selain dinding hampir roboh serta tembok dan tangga pecah.

Penghuni rumah kos rendah Flat Taman Gedung Indah pula berdepan risiko apabila masalah mendapan di dasar bangunan lima tingkat yang dibina sejak 2001.

Sze Han menambah, kerajaan negeri bersetuju MPK mengadakan perbincangan dengan Cawangan Kejuruteraan Geoteknik JKR untuk menjalankan kajian dan siasatan teknikal segera ke atas semua bangunan flat tersebut bagi menentukan keutuhan struktur bangunan.

“MPK juga diminta menasihatkan penduduk untuk berpindah dan berbincang dengan LPHS bagi cadangan penempatan sementara dengan kadar segera.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
4 November 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jas keluarkan 106 kompaun berjumlah RM212,000
Muka Surat	:	6

Shah Alam: Sehingga September lalu, 106 kompaun berjumlah RM212,000 dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (Jas) terhadap pihak yang melepaskan sisa kimia dan bahan larangan dalam sungai di Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian berkata, daripada jumlah itu, 91 kes sudah diambil tindakan mahkamah yang membabitkan denda RM915,000.

Jas keluarkan 106 kompaun berjumlah RM212,000

Selain itu, katanya, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) mengeluarkan dua notis pemberitahuan kesalahan, dua surat arahan, satu tindakan pencerobohan serta satu kertas siasatan dibuka bagi kes pencemaran sungai.

"Majlis Bandaraya Shah Alam pula menerusi lima kompaun berjumlah RM5,000, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (10 kompaun bernilai RM5,250), Majlis



Luas mengambil tindakan berdasarkan 11 usaha dalam Pelan Tindakan Bersepadu Menangani Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor"

Hee Loy Sian



Perbandaran Klang (dua kompaun), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (dua kompaun) dan Majlis Perbandaran Selayang (kompaun bernilai RM40,000).

"Majlis Perbandaran Kajang (211 kompaun), Majlis Perbandaran Kuala Langat (kompaun berjumlah RM3,500) dan Majlis Daerah Kuala Selangor (kompaun berjumlah RM3,400)," katanya pada Persidangan De-

wan Undangan Negeri (Dun) Selangor di sini, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan **Datuk Mohd Shamsudin Lias (BN-Sungai Burong)** mengenai jumlah kompaun dan tindakan penguatkuasaan terhadap isu pencemaran sungai.

Katanya, tindakan Luas berdasarkan 11 usaha dalam Pelan Tindakan Bersepadu Menangani Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor.



KERATAN AKHBAR
4 November 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	500 anggota polis pantau SOP PKPB
Muka Surat	:	5



POLIS menegakkan tiada sebarang kompromi bagi individu yang melanggar SOP PKPB di Selangor. – GAMBAR HIASAN

500 anggota polis pantau SOP PKPB

SHAH ALAM – Kira-kira 500 anggota polis digerakkan di seluruh Selangor dalam menjalankan penguatkuasaan terhadap mereka yang melanggar prosedur standard operasi (SOP) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin berkata, kesemua anggota akan melakukan pemantauan ke atas semua premis perniagaan, tempat tumpuan ramai dan lain-lain dalam usaha mengekang penularan wabak Covid-19.

Menurutnya, tindakan tegas akan diambil dan tiada kompromi susulan orang awam sedia maklum berkenaan arahan Majlis Keselamatan Negara.

“Berdasarkan pemerhatian kita setakat ini mendapati hampir keseluruhan rakyat di

negeri ini telah mematuhi SOP.

“Jika terdapat mana-mana pihak yang masih degil, kita akan terus keluarkan kompaun,” ujarnya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau berkata demikian susulan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam yang mengingatkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan PDRM di negeri ini lebih tegas dalam melakukan pemantauan sepanjang PKPB.

Baginda bertitah demikian ekoran Selangor mencatatkan kes harian baharu tertinggi iaitu 225 kes pada 1 November lalu.

Dalam perkembangan sama, Noor Azam turut meminta orang awam agar menghentikan perbuatan menyebarkan perkara tidak betul berkenaan pelanggaran SOP ataupun kompaun oleh pihak berkuasa.



KERATAN AKHBAR

4 November 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Mayat OKU dalam perangkap sampah
Muka Surat	:	8

Mayat OKU dalam perangkap sampah

SUNGAI BULOH – Kehilangan seorang wanita pada Sabtu lalu terjawab apabila mayatnya ditemui dalam keadaan tidak berpakaian di kawasan perangkap sampah Sungai Selangor berhampiran Universiti Selangor, Bestari Jaya di Kuala Selangor di sini kelmarin.

Mangsa, Siti Hajar Shahrudin, 35, yang juga orang kelainan upaya (OKU) dilaporkan kali terakhir keluar dari rumahnya di Kampung Melayu Sri Kundang di sini pada pukul 8 malam, Sabtu lalu.

Satu sumber berkata, mayat mangsa yang dalam keadaan kembang ditemui 28 kilometer dari lokasi dia hilang.

“Laporan bedah siasat mendapati ada unsur jenayah dalam kes penemuan mayat mangsa, namun siasatan lanjut masih diteruskan.

“Kita tidak menolak kemungkinan mangsa dihanyut arus sebelum mayatnya tersangkut pada perangkap sampah,” katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan Shafa'aton Abu Bakar



SITI HAJAR

berkata, kehilangan mangsa yang menghidap penyakit Skizofrenia dilaporkan oleh keluarganya pada Ahad lalu.

“Semalam (kelmarin) kita terima maklumat mayat wanita ditemui di tempat perangkap sampah pukul 11.47 pagi.

“Keluarga mangsa telah dipanggil untuk pengecaman dan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) dijalankan bagi mengesahkan identiti si mati,” katanya dalam satu kenyataan semalam.



KERATAN AKHBAR		
4 November 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Dua beranak didakwa cemar sungai
Muka Surat	:	9

Mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan berkaitan pencemaran Sungai Gong

Dua beranak didakwa cemar sungai

Oleh **NUZULSHAM SHAMSUDDIN**

SELAYANG – Dua beranak yang merupakan pengarah sebuah syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan mencemarkan Sungai Gong, Rawang dekat sini.

Tertuduh iaitu Chai Kin Sang, 62, dan anak lelakinya, Chai Wern Teik, 31, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Maziah Joary Mohd. Tajuddin.

Mengikut pertuduhan pertama, kedua-dua mereka didakwa dengan niat bersama melakukan khianat dengan menyebabkan buangan yang mengandungi bahan berbahaya dari syarikat FG Autoparts Sdn. Bhd.

Bahan berbahaya itu dilupuskan ke dalam alur air yang mana mengalir ke dalam Sungai Gong dengan mengetahui bahawa ia mungkin akan menyebabkan susut bekalan air bagi maksud minuman manusia.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang membawa hukuman penjara



KIN SANG (tengah) dan Wern Teik (kanan) dibawa untuk pertuduhan di Mahkamah Sesyen Selangor semalam.

maksimum 30 tahun atau denda atau kedua-duanya.

Bagi pertuduhan kedua pula, Kin Sang dan Wern Teik didakwa dengan niat bersama melepaskan bahan buangan mengandungi bahan berbahaya dari premis sama ke dalam alur air yang akan mengalir ke sungai sama tanpa lesen.

Bagi kesalahan itu, kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 25(1) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 25(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Hukuman bagi seksyen itu memperuntukkan denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Dua beranak antara lapan ditahan kes pencemaran sungai

SEKELILING ALAM – Dua beranak yang didakwa mencemarkan Sungai Gong, Rawang dekat sini semalam atas dua pertuduhan mencemarkan sungai itu di hadapan Hakim Maziah Joary Mohd. Tajuddin.

KERATAN Kosmo! 22 Oktober 2020.

Kesalahan itu dilakukan di premis Lot 16273, Jalan Sungai Bakau, Batu Arang, Rawang pada 17 hingga 19 Oktober lalu.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Iskandar Ahmad tidak menawarkan sebarang jaminan dengan alasan kes itu tidak boleh diikat jamin.

"Kes ini adalah kes pencemaran kedua berlaku di Sungai Gong yang mengakibatkan enam juta penduduk di sekitar Lembah Klang terputus bekalan air selama beberapa hari.

"Syarikat ini tidak pernah mengambil iktibar terhadap apa yang berlaku. Sampai bila penduduk Lembah Klang mahu berdepan norma baharu dan pada masa sama tiada bekalan air," katanya.

Kedua-dua tertuduh yang di-

wakili peguam Muhammad Nor Izzat Nordin memohon jaminan yang rendah dengan alasan anak-anak guannya memberi kerjasama yang baik kepada pihak berkuasa.

"Tertuduh pertama baru menjalani pembedahan, mengambil kira situasi pandemik tertuduh merupakan orang berisiko dijangkiti (Covid-19). Tertuduh kedua pula mempunyai tanggungan keluarga termasuk dua anak yang masih kecil," katanya.

Hakim Maziah Joary membenarkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM400,000 setiap seorang dengan penjamin berlesen berserta syarat tambahan.

Tarikh 16 Disember ini ditetapkan untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Pada 22 Oktober lalu, *Kosmo!* melaporkan dua beranak merupakan antara lapan individu yang ditahan bagi membantu siasatan kes pencemaran sungai yang mengakibatkan gangguan bekalan air di Lembah Klang.

Siasatan awal polis mendapati bau yang dikesan di alur air Sungai Gong dipercayai bermula dari premis syarikat suspek yang ditahan.



KERATAN AKHBAR
4 November 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sasar jual 20,000 ayam segar
Muka Surat	:	38

Sasar jual 20,000 ayam segar

Oleh **NOR AZIHAN MD. GHAZALI**

PETALING JAYA – Bermula tanpa sebarang pengetahuan mengenai perniagaan ayam proses segar, Mohd. Amirul Asyraf Azhar, 26, kini boleh berbangga apabila mempunyai sebuah kilang sendiri selepas berkecimpung selama dua tahun dalam bisnes tersebut.

Malah, syarikat A&A Fresh Chicken E miliknya menjadi syarikat pertama yang mendapat sijil tauliah penyembelihan daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan diiktiraf halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Menurut Mohd. Amirul, permulaan perniagaannya bermula menerusi pengambilalihan kilang memproses ayam segar daripada syarikat lain pada November 2018.

Katanya, pada awal perniagaan pihaknya mampu memproses lebih 5,000 ekor ayam sehari bagi menampung permintaan di sekitar Petaling.

“Pelanggan kami termasuk kantin sekolah, jabatan kerajaan, hospital swasta dan pasar raya.

“Pasarannya kemudiannya berkembang dengan mendapat permintaan daripada pelanggan di Kuala Lumpur dan Pahang,” katanya ketika ditemui di kilangnya di sini baru-baru ini.

Mohd. Amirul menambah, pandemik Covid-19 yang melanda negara telah menjejaskan



MOHD. AMIRUL (tengah) menunjukkan sijil tauliah penyembelihan daripada JAIS yang diberikan kepada kilangnya di Petaling Jaya.

lebih 60 peratus permintaan terhadap ayam proses segar.

Ujarnya, ini berikutan penutupan kantin-kantin yang merupakan pelanggan tetap syarikat sehingga mengakibatkan permintaan menurun kepada hanya 1,000 ekor ayam segar diproses setiap hari.

Enggan menjadikan isu itu sebagai halangan, Mohd. Amirul tidak berniat mengecilkan ope-

rasi, sebaliknya bercadang meluaskan lagi penawarannya ke pasaran baharu dan membuka sebuah lagi kilang dilengkapi peralatan canggih pada Januari 2021.

“Kami meletakkan sasaran pengeluaran sehingga 20,000 ayam segar proses setiap hari untuk menembusi pasaran luar Lembah Klang seperti Melaka, Negeri Sembilan dan Johor,” katanya.



KERATAN AKHBAR		
4 November 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Dua beranak mengaku tidak bersalah
Muka Surat	:	20

Dua beranak mengaku tidak bersalah

Pencemaran Sungai Gong, dua ahli lembaga pengarah didakwa atas dua pertuduhan

Oleh **NOOR AZLIDA ALIMIN**

SELAYANG

Seorang bapa dan anaknya yang juga pengarah syarikat membaiki serta menjual jentera pembinaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan melakukan khianat dengan melepas dan melupuskan bahan buangan mengandungi bahan berbahaya tanpa lesen ke Sungai Gong, Rawang dua minggu lalu.

Kedua-dua tertuduh, Chai Kin Sang, 62, dan Chai Wern Teik, 31, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Maziah Jaryary Mohd Tajuddin.

Mengikut pertuduhan pertama, dua beranak itu didakwa melakukan khianat menyebab-

kan bahan buangan mengandungi bahan berbahaya daripada FG Auto Parts Sdn Bhd dilupuskan ke alur air yang mengalir ke Sungai Gong dengan mengetahui ia akan menyebabkan susut bekalan air bagi minuman manusia.

Kesalahan didakwa dilakukan di premis itu di Lot 16273 Jalan Sungai Bakau-Batu Arang Rawang dekat sini antara 17 dan 19 Oktober lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa dengan niat bersama melepaskan bahan buangan mengandungi bahan berbahaya dari bengkel sama ke alur air yang akan mengalir ke sungai sama tanpa lesen di lokasi dan masa sama.

Bagi kesalahan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukum-



Kin Sang (dua dari kiri) dan anaknya, Wern Teik (tiga dari kiri) dibawa ke Mahkamah Selayang semalam berhubung kes pencemaran air Sungai Gong dua minggu lalu.

an denda tidak lebih RM100,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Iskandar Ahmad tidak menawarkan ikat jamin kepada kedua-dua tertuduh dengan alasan kes itu termasuk dalam kes yang tidak boleh dijamin.

Bagaimanapun, jika mahkamah mahu memberikan ikat jamin, beliau mencadangkan jaminan ditetapkan RM2 juta seorang.

"Kadar itu adalah munasabah dengan alasan kedua-dua

tertuduh seakan tidak kesal memandang kes pencemaran air pernah dilaporkan sebelum ini.

"Ini kes pencemaran kedua berlaku di Sungai Gong, Rawang, maka tertuduh sepatutnya peka dan mengelak kejadian seumpama itu berlaku kerana menyebabkan bekalan air membabitkan enam juta pengguna terjejas," katanya.

Bagaimanapun, peguam Muhammad Nor Izzat Nordin yang mewakili kedua-dua tertuduh memohon agar anak guamnya diberi ikat jamin pada kadar rendah dengan alasan

mereka memberi kerjasama yang baik kepada pihak polis.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Maziah membenarkan kedua-dua tertuduh dijamin RM400,000 seorang dengan beberapa syarat tambahan.

Antaranya, mereka perlu melaporkan diri di balai polis berdekatan sebulan sekali, menyerahkan pasport kepada mahkamah dan tidak mengganggu saksi.

Sementara itu, mahkamah menetapkan pada 16 Disember depan sebagai sebutan semula kes berkenaan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
4 November 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Belum terdesak guna air tasik
Muka Surat	:	22

Belum terdesak guna air tasik

Kerajaan negeri tidak cadang guna sumber air Tasik Putrajaya jika Sungai Semenyih tercemar

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF

SHAH ALAM

Kerajaan negeri tidak bercadang menggunakan sumber air Tasik Putrajaya sekiranya Selangor berdepan dengan pencemaran sungai.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Izham Hashim berkata, setakat ini tiada keperluan mendesak untuk berbuat demikian.

“Walaupun Tasik Putrajaya dijangka mampu membekalkan air kepada Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih untuk tempoh sehingga 17 hari, namun belum ada keperluan untuk menggunakan sumber berkenaan.

“Cadangan penggunaan air dari Tasik Putrajaya apabila berlaku sebarang kecemasan atau pencemaran adalah di luar bidang kuasa Lembaga Urus Air Selangor (LUAS),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika men-



Tasik Putrajaya dijangka mampu membekalkan air kepada Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih untuk tempoh sehingga 17 hari. Gambar kecil: Izham.

jawab pertanyaan daripada **Michelle Ng Mei Sze (PH-Subang Jaya)** di Dewan Undangan Negeri Selangor berkaitan sama ada Tasik Putrajaya boleh menjadi sumber air kecemasan apabila berlaku pencemaran Sungai Semenyih.

Katanya, ketika ini Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) telah membuat permohonan kepada kementerian untuk menggunakan air dari tasik berkenaan.

“Permohonan itu termasuk geran pelaksanaan projek pembetulan dan penghapusan daripada Tasik Putrajaya ke LRA Semenyih.

“Bagaimanapun, sehingga kini difa-

hamkan Air Selangor belum menerima maklum balas mengenai permohonan berkenaan,” katanya.

Dalam pada itu, jelasnya, kajian lanjut mendapati LRA Semenyih dapat beroperasi secara maksimum jika berlaku pencemaran di Sungai Semenyih dengan menggunakan Kolam A, B dan C berhampiran loji.

“Bagaimanapun, sedikit pengubahsuaian perlu dilakukan di kolam berkenaan.

“Selain itu Luas juga sedang meneliti kemungkinan terdapat kolam-kolam di sekitar Sungai Semenyih yang boleh dimanfaatkan untuk menangani isu kecemasan atau pencemaran sumber air,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 4 November 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	SBC bakal rancak pertumbuhan ekonomi Selangor
Muka Surat	:	22

SBC bakal rancak pertumbuhan ekonomi Selangor

SHAH ALAM- Sebuah bandar baharu bakal diwujudkan di negeri ini dengan adanya Projek Selangor Business Capital (SBC) di Cyberjaya.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) selaku pihak yang membangunkan pusat ekonomi baharu itu akan memohon kebe-



AMIRUDIN

narangan merancang pada suku pertama tahun depan.

“SBC di Cyberjaya ini sekali gus mempercepat pembangunan pelbagai infrastruktur

moden yang menjadi asas kepada pertumbuhan bandar baharu.

“Secara langsung dengan perubahan landskap di lokasi ini akan membawa pelbagai limpahan manfaat kepada negeri serta negara dengan memacu pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan **Mohd Imran Tamrin (BN-Sungai Panjang)** berhubung status SBC semalam.

Katanya, pembangunan projek SBC sepatutnya dimulakan pada tahun ini namun penularan Covid-19 menjejaskan perancangan yang dilakukan.

“Kerajaan negeri sedang menilai rakan strategik serta pelabur berpotensi untuk melabur projek SBC.

“Kita bercadang mengadakan pra pelancaran dalam tempoh terdekat, kemudian kita boleh kenal pasti pelabur berpotensi yang berminat menyertai pembangunan SBC,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 4 November 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sidang DUN Selangor kecoh lagi isu etika pakaian
Muka Surat	:	22



Suee Lim (kiri) menegur pemimpin pembangkang yang didakwa melanggar etika berpakaian pada Sidang DUN semalam.

Sidang DUN Selangor kecoh lagi isu etika pakaian

SHAH ALAM - Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor kecoh lagi apabila beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada Barisan Nasional (BN) didakwa sekali lagi melanggar etika pakaian pada sesi semalam.

Speaker Dewan Undangan Negeri Ng Suee Lim berkata, sepatutnya ADUN menghormati etika pemakaian yang dibenarkan dalam sesi persidangan.

"Semalam (kelmarin) saya telah menegur beberapa ADUN mengenai

etika pemakaian dan mereka berjanji akan mengikutinya, namun malangnya pada hari ini (semalam) mereka mengingkarinya.

"Saya harap agar semua patuh terhadap ketetapan dewan mengenai etika pemakaian," katanya.

Terdahulu, sesi dewan kecoh apabila Speaker menegur beberapa ADUN daripada BN yang bertindak memakai baju Melayu.

Bagaimanapun, Suee Lim memuji Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (Sijangkang) apabila mematuhi eti-

ka pakaian semalam.

Kelmarin, ketika pembukaan Sidang DUN Selangor, Suee Lim menegur tindakan beberapa pemimpin pembangkang yang memakai baju kebangsaan.

